



30 JUL, 2025

Sunway REIT selesai ambil alih AEON Mall Seri Manjung

Utusan Malaysia, Malaysia

SUNWAY®

Page 1 of 2

Sunway REIT selesai ambil alih AEON Mall Seri Manjung

PETALING JAYA: Sunway REIT Management Sdn. Bhd., pengurus Sunway Real Estate Investment Trust (Sunway REIT) selesai mengambil alih AEON Mall Seri Manjung pada 25 Julai lalu dengan cadangan pembelian sebanyak RM138 juta.

Pemerolehan tersebut dibuat melalui perjanjian jual beli (SPA) yang ditandatangani pada 20 Januari 2025 dengan Kar Sin Bhd. dan YNH Hospitality Sdn Bhd. Bhd. iaitu anak syarikat YNH Property Berhad.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Sunway REIT, Ng Bee Lien berkata, penyelesaian pemerolehan ini menggariskan komitmen Sunway REIT untuk mengukuhkan portfolio dengan aset yang berkualiti tinggi dan menghasilkan hasil.

"AEON Mall Seri Manjung menyediakan sumbangan pendapatan segera dengan pajakan jangka panjang yang sta-

bil kepada pengendali runcit terkemuka dan meningkatkan daya tahan pendapatan kami dengan purata pendapatan hartanah bersih (NPI) yang menarik sebanyak tujuh peratus sepanjang tempoh pajakan.

"Tambahan strategik ini sejajar dengan tumpuan kami untuk menyampaikan penciptaan nilai yang mampan dan mengoptimumkan pulangan untuk pemegang unit kami," katanya dalam kenyataan.

Sunway REIT berkata, hartanah ini terletak secara strategik di Seri Manjung, pusat perdagangan dan pentadbiran daerah Manjung dan dikelilingi oleh komuniti kediaman yang matang dan kemudahan sivik utama.

"Ia menjadi tarikan yang kukuh dari Seri Manjung, Sitiawan, Lumut dan kawasan pelancongan popular Pulau Pangkor," jelasnya.



30 JUL, 2025

Sunway REIT selesai ambil alih AEON Mall Seri Manjung

Utusan Malaysia, Malaysia

SUNWAY®

Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA: Sunway REIT Management Sdn. Bhd., pengurus Sunway Real Estate Investment Trust (Sunway REIT) selesai mengambil alih AEON Mall Seri Manjung pada 25 Julai lalu dengan cadangan pembelian sebanyak RM138 juta. Pemerolehan tersebut dibuat melalui perjanjian jual beli (SPA) yang ditandatangani pada 20 Januari 2025 dengan Kar Sin Bhd. dan YNH Hospitality Sdn Bhd. Bhd. iaitu anak syarikat YNH Property Berhad.